

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 17 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L18514
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang sewajarnya yang boleh diambil bagi mencegah kelakuan tidak senonoh pekerja-pekerja asing di sesuatu penempatan hingga mengganggu ketenteraman awam dan penduduk tempatan.
2. PR-022-L19169
Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tujuan menubuhkan satu batalion Tentera Wataniah di kesemua 222 kawasan Parlimen dan adakah Tentera Wataniah akan diberi tugas semasa pilihan raya dan adakah mereka diperlukan mengundi melalui undi pos.
3. PR-022-L19842
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Kementerian akan membina Hospital Perubatan Universiti Malaysia Sabah bagi memberi latihan amali kepada pelajar-pelajar fakulti perubatan UMS, memandangkan penduduk di negeri Sabah yang semakin meningkat.
4. PR-022-L19609
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah prosedur serta langkah-langkah yang diambil Pusat Krisis dan Pengawalan Wabak Malaysia (CPRC) dalam mengekang penyebaran wabak Influenza A (H1N1) memandangkan penumpang-penumpang MH091 dan AK5358 tidak diwajibkan melaporkan diri untuk di kuarantin; dan

- (b) apakah skop kuasa CPRC dan adakah ianya bertindih dengan kuasa pihak Kementerian.
5. PR-022-L18961
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang cadangan pewujudan serta penggubalan Akta Perlindungan Data Peribadi di negara ini.
6. PR-022-L18967
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan keluasan tanaman kenaf.
7. PR-022-L19119
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah tangkapan dan rampasan dadah yang berjaya dilakukan pada tahun 2008 dan berapa ramai yang dihukum gantung sampai mati ; dan
- (b) apakah strategi pencegahan yang berkesan bagi mengatasi penyalahgunaan dadah.
8. PR-022-L18556
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian terperinci terhadap pihak bank bagi memudahkan urusan pinjaman kepada para usahawan dan peniaga kecil, serta apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengharamkan agensi peminjam wang yang lebih agresif bertindak sebagai ceti atau along.
9. PR-022-L19067
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah usaha Kerajaan setakat ini untuk memperbanyakkan lagi kemudahan ambulans yang diubah suai daripada kenderaan pacuan empat roda (4WD) dan bot laju, memandangkan keadaan geografi Sabah dan Sarawak, sekali gus memerlukan pendekatan berlainan berbanding penggunaan ambulans yang biasa digunakan di Semenanjung.

10. PR-022-L19810
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sebab-sebab peningkatan masalah sosial seperti keruntuhan rumah tangga, perceraian serta umur pesalah juvana yang semakin muda.
11. PR-022-L19640
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana kemampuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk kekal sebagai badan pemberi pinjaman kepada mereka yang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).
12. PR-022-L20038
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk memastikan produk pelancongan setempat juga memberi manfaat maksima kepada masyarakat setempat.
13. PR-022-L19149
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang berkesan yang sedang dan akan diambil untuk menangani masalah 'samseng jalanan'.
14. PR-022-L19488
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang bakal diambil untuk membetulkan semula kefahaman Islam selepas Kerajaan bersetuju untuk memansuhkan konsep Islam Hadhari.
15. PR-022-L19093
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di Bahagian Limbang memandangkan keadaan geografi yang menyulitkan untuk menghantar pesakit ke Hospital Miri, apatah lagi sekiranya ada kes kematian yang akan melibatkan kos yang amat tinggi hingga boleh mencapai sehingga RM4000 hingga RM5000 untuk urusan membawa balik jenazah ke Limbang.
16. PR-022-L19176
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi tekanan terhadap Syarikat ASTRO supaya memberi rebat kepada pengguna yang mengalami masalah gangguan siaran sewaktu hari hujan.

17. PR-022-L19299
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah peruntukan untuk melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar di daerah Lubok Antu untuk tahun ini dan tahun 2010; dan
 - (b) nyatakan nama-nama rumah panjang dan kampung-kampung yang terlibat.
18. PR-022-L19191
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan keberkesanan Sistem Markah Demerit untuk pesalah trafik.
19. PR-022-L19906
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedang mengkaji cadangan memansuhkan diskaun 5 peratus yang diberikan kepada golongan Bumiputera yang membeli rumah berharga RM500,000 ke atas.
20. PR-022-L18443
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) bila dan bagaimanakah stesen penjanaan elektrik yang menggunakan arang batu dirancang dan akan dibina di negeri Sabah dan berapakah kos projek berkaitan; dan
 - (b) bila dan di manakah Kementerian bercadang akan membina stesen penjanaan elektrik dengan menggunakan gas di negeri Sabah kerana terdapat kekurangan bekalan elektrik yang serius di negeri ini khususnya di Tawau. Berapakah kos projek berkaitan.
21. PR-022-L18821
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-9 di kawasan Parlimen Ranau. Adakah terdapat projek-projek yang terpaksa ditangguhkan kerana kekangan peruntukan.

22. PR-022-L19532
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana seriusnya Kerajaan dalam menangani masalah bekalan ayam sehingga menyebabkan rakyat terbeban dengan harga ayam yang tinggi di pasaran.
23. PR-022-L19998
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan, cara dan peraturan Kerajaan untuk menghantar pulang ke negara asal pekerja-pekerja asing yang diberhentikan oleh majikan kerana kemelesetan ekonomi global.
24. PR-022-L19858
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Persidangan Dewan Rakyat akan disiarkan secara langsung oleh RTM supaya rakyat dapat mengikuti segala perkembangan yang berlaku secara menyeluruh.
25. PR-022-L19680
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang membayar zakat seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mewajibkan pembayaran cukai pendapatan.
26. PR-022-L19584
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha konkrit bagi menangani pelajar-pelajar istimewa dan mereka yang mempunyai 'learning disabilities' supaya peluang pendidikan dan seterusnya kerjaya mereka mendapat pembelaan sewajarnya daripada Kementerian.
27. PR-022-L18830
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan di negara kita sering berlaku perubahan slogan atau "moto" apabila berlaku pertukaran Perdana Menteri atau Menteri-menteri. Apakah kaedah yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk menjelaskan kepada rakyat tentang inti pati slogan tersebut agar ianya tidak ditafsirkan dengan bermacam-macam bentuk atau terus disalah tafsir.
28. PR-022-L18803
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pembaharuan yang dilakukan dalam SPR di dalam membaik pulih sistem pilihan raya negara setelah 12 kali pilihan raya umum diadakan sejak negara mencapai kemerdekaan.

29. PR-022-L19832
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pegawai dan kakitangan FELDA mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pihak atasan mereka demi kepentingan rakyat di kawasan FELDA.
30. PR-022-L18631
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek-projek mega Kerajaan seperti Projek Jambatan Bangkok dan Projek Kabel Dasar Laut Timur dan Barat Malaysia serta siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.
31. PR-022-L18641
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat menambah dan meluaskan aktiviti Jabatan Kebajikan di negeri Sarawak dalam bidang teknikal dan kraf tangan supaya lebih ramai OKU pelbagai peringkat umur menikmati kemudahan selain daripada bantuan kewangan. Adakah pihak Kerajaan menambah lebih banyak pusat komuniti kebajikan di Sarawak di bawah RMK-10. Jika ya, bila. Jika tidak, nyatakan sebabnya.
32. PR-022-L19292
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis panduan atau 'standard' yang digunakan untuk mengenal pasti kecekapan seseorang Menteri. Adakah laporan tersebut akan diberi kepada Ahli-ahli Parlimen atau kepada rakyat menerusi media.
33. PR-022-L18492
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan fizikal sekolah khususnya dalam pembinaan dewan serba guna di Sabak Bernam dan adakah 'Program Fast Track' akan diteruskan seperti mana yang telah diluluskan pada tahun sebelumnya.
34. PR-022-L19743
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa tiada sebarang tindakan susulan diambil terhadap sesiapa berikutan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya DiRaja berkenaan pita rakaman V.K. Lingam.
35. PR-022-L20023
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengeratkan hubungan dan kerjasama pihak tentera dengan rakyat di dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan melalui pelbagai unitnya seperti kor agama, kejuruteraan dan perubatan.

36. PR-022-L19856
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Sarawak pernah mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mengambil alih Sarawak International Medical Centre. Apakah terjadi kepada cadangan tersebut dan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut.
37. PR-022-L20163
Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi meliberalisasikan sektor-sektor pembuatan dan telekomunikasi di negara ini sepertimana yang telah dilakukan oleh sektor perbankan dan perkhidmatan.
38. PR-022-L19452
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peratus produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah memasuki pasaran 'hypermarket' dan mengikut kategori nyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi serta langkah-langkah mengatasinya.
39. PR-022-L18845
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah dan peranan bagi memperluaskan konsep Rukun Tetangga bagi membanteras jenayah setempat.
40. PR-022-L19262
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rasionalnya pihak Kementerian bercadang menghadkan jumlah mata pelajaran yang akan diambil oleh calon SPM, di mana di sekolah menengah kebangsaan jumlah mata pelajaran akademik sebanyak 14 subjek sedangkan sekolah menengah arab mata pelajaran akademiknya di campur pengajian arab/agama mempunyai 21 subjek.
41. PR-022-L18751
Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kemasukan pelajar asing ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di negara ini mengikut negara asal mereka dan apakah ada pemantauan dibuat kepada kegiatan dan aktiviti-aktiviti sosial mereka di sini.

42. PR-022-L19047
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah peranan yang dimainkan oleh Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) kepada negara; dan
 - (b) bagaimana pemilihan yang dibuat untuk menganggotai Majlis ini.
43. PR-022-L18817
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada kajian terperinci dan kesesuaiannya bagi sistem mikro hidro sebagai sistem alternatif grid akan diadakan di luar bandar Sri Aman.
44. PR-022-L18872
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kesemua Majistret, Hakim Mahkamah Seksyen, Pendaftar-pendaftar, Peguam Persekutuan dan Peguam Persekutuan Kanan terletak di bawah Badan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang akan membangkitkan keadaan 'conflict' apabila seorang Majistret berhadapan dengan seorang Peguam Kanan Persekutuan yang lebih 'senior'. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu sistem yang lebih telus, waras dan meyakinkan rakyat terhadap sistem kehakiman.
45. PR-022-L19219
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha dan pendekatan Kementerian dalam mempromosi Program Amal Jariah yang dipelopori oleh Prokhas Urus Sdn. Bhd.; dan
 - (b) berapakah peruntukan program ini untuk tahun 2009 dan bagaimanakah program ini dilaksanakan agar tidak disalahgunakan.
46. PR-022-L18932
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kesediaan Kerajaan menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif hijau dan semula jadi seperti suria, angin dan sebagainya secara besar-besaran dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada diesel, gas, hidro dan arang batu dalam penjanaan tenaga elektrik. Apakah insentif yang disediakan untuk menggalakkan penggunaannya.

47. PR-022-L18499
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan terkini pesakit Influenza A (H1N1) di negara kita dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penyebaran penyakit ini.
48. PR-022-L18901
Tuan Gobalacrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status projek pembangunan Sekolah Tamil Paya Besar Kulim yang dikatakan menunggu laporan teknikal tanah bagi tapak sekolah yang dicadangkan.
49. PR-022-L19501
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan penyampaian maklumat yang diberikan kepada rakyat mengenai Skim Bantuan Perubatan kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan.
50. PR-022-L19361
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar yang dibiayai oleh MARA bagi penuntut bidang perubatan dan kejuruteraan di luar negara (sebutkan mengikut negara) bagi 2009.
51. PR-022-L19279
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah poliklinik di daerah Serian. Kalau ya, bilakah ianya dijangka akan didirikan. Kalau tidak, mengapa.
52. PR-022-L19667
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan Mahkamah Seksyen Khas di Depot Tahanan PATI dalam usaha mempercepatkan kes-kes yang melibatkan pendatang asing.
53. PR-022-L18663
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah permohonan dan kelulusan bagi Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - (b) adakah skim ini masih wujud bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

54. PR-022-L18702
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam krisis perlembagaan negeri Perak tidak mempunyai apa-apa alasan perundangan.
55. PR-022-L18982
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan atau langkah-langkah Kerajaan untuk menyuburkan nilai-nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum di Malaysia berikutan masalah perkauman yang semakin ketara.
56. PR-022-L19713
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan telah menjalankan kajian mendalam terhadap kesan menaikkan harga minyak RON97 pada 1 September ini. Sekiranya ada, apakah kesannya terhadap pengguna.
57. PR-022-L18527
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengumumkan KPI setiap Kementerian bagi tahun 2009 dan 2010 supaya prestasi Kerajaan boleh dinilai oleh rakyat.
58. PR-022-L19238
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing Bangladesh yang telah diluluskan kepada Syarikat Network Esquire sejak tahun 2007, daripada jumlah tersebut berapakah yang telah diterima oleh syarikat itu, dan jumlah sebenar yang bekerja di situ dan apakah tindakan diambil berkenaan aduan terhadap syarikat itu.
59. PR-022-L19559
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan poliklinik di kawasan Sepupok, Niah. Bilakah pembinaan poliklinik tersebut akan dimulakan memandangkan perkhidmatan kesihatan amat diperlukan oleh penduduk di Sibuti.
60. PR-022-L19303
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula konsesi bekalan ubat yang diberikan kepada Renong yang kini dipegang oleh Pharmaniaga.

61. PR-022-L19408
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang boleh diambil terhadap pengguna telefon yang membuat panggilan menggunakan nombor telefon orang lain.
62. PR-022-L18509
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar Kerajaan Malaysia bercadang untuk membeli peralatan mengundi elektronik dari negara India seperti yang dilaporkan. Jika ya, mengapa dan berapa anggaran kosnya serta jaminan ia tidak akan berulang pembaziran seperti yang berlaku dengan pembelian dakwat calit kuku sebelum ini.
63. PR-022-L18773
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian setiap pembelian perolehan Kerajaan yang melebihi RM100 juta yang tidak diuruskan melalui tender terbuka atau tender terhad. Apakah justifikasinya bagi setiap kelulusan.
64. PR-022-L19374
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab pihak polis lebih fokus menggempur kes-kes kecil seperti menahan peserta menyalakan lilin berbanding menyelesaikan kes-kes jenayah yang lebih besar seperti rompakan, ragut dan sebagainya.
65. PR-022-L18873
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pada 8 Mei 2009, Timbalan Menteri secara peribadi menyokong usaha mengembalikan semula PPSMI ke dalam Bahasa Melayu sebagai memartabatkan semula bahasa kebangsaan. Justeru itu, apakah tindakan penyelesaian oleh Kerajaan sesuai dengan kenyataan positif oleh Timbalan Menteri berkenaan.
66. PR-022-L19097
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab bekalan gas semula jadi tidak mencukupi bagi perusahaan tempatan dan baru serta langkah untuk menangani masalah dan adakah perancangan untuk mengurangkan harga jualan gas.
67. PR-022-L18846
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai jumlah penduduk miskin di negara ini mengikut negeri pada tahun 2007 dan 2008 dan sejauh manakah keberkesanan usaha yang dilaksanakan bagi menangani masalah ini mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.

68. PR-022-L19897
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan agenda Islam Hadhari setelah Konsep 1 Malaysia diperkenalkan dan sejauh manakah konsep ini bertepatan dengan kehendak agama Islam.
69. PR-022-L18545
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) jumlah lesen menangkap ikan laut dalam yang telah dikeluarkan sejak 10 tahun kebelakangan ini serta pegangan ekuiti tempatan/asing; dan
 - (b) mengapakah terdapat banyak kapal menangkap ikan laut dalam dari negara Vietnam di perairan negeri Sabah.
70. PR-022-L19328
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas mat-mat rempit yang berhimpun lebih daripada lima orang untuk ditahan dan didakwa di bawah undang-undang perhimpunan haram.
71. PR-022-L19728
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai sekolah mubaligh dan nyatakan sebab mengapa sekolah mubaligh yang bersejarah di Bandaraya Johor Bahru tidak diberikan peruntukan pembangunan secukupnya untuk membaik pulih bangunan sekolah yang semakin usang dan membahayakan murid.
72. PR-022-L19756
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional pihak polis yang menahan ahli Akademi Wong Chin Huat yang berpakaian hitam sebagai tanda membantah rampasan kuasa di Perak oleh Barisan Nasional serta penyokong-penyokong bersama peguam-peguam mereka.
73. PR-022-L19647
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan definisi Mat Rempit.

74. PR-022-L20154
Datuk Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci kriteria yang diguna pakai dalam memberi pertimbangan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM untuk biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara.
75. PR-022-L18947
Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesahihan 1 Malaysia (Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan) yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan. Sekiranya benar, mengapa krisis di Perak masih tidak diselesaikan dengan memberi peluang kepada rakyat Perak menentukan Kerajaan pilihan mereka sendiri.
76. PR-022-L18995
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perniagaan (LPKP) untuk mengeluarkan lesen kepada teksi-teksi dan adakah lesen-lesen sebanyak 1,512 mencukupi untuk memberi perkhidmatan di negeri Pulau Pinang dan bilakah keputusan untuk memuktamadkan kenaikan tambang akan di buat.
77. PR-022-L19372
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) projek-projek yang telah dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Kota Melaka sejak pilihan raya yang lepas dengan peruntukan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ; dan
 - (b) senaraikan setiap projek dan kosnya.
78. PR-022-L18916
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah terdapat sebarang jangka masa yang diperuntukkan bagi pendengaran kes-kes bunuh (Capital Punishment); dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mempercepatkan perbicaraan kes-kes tersebut.

79. PR-022-L19933
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan telah menguatkuasakan harga ayam sebagai barang kawalan. Jika ya, mengapa harga ayam sentiasa naik.
80. PR-022-L19016
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pelantikan Penyelia Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta JKK akan dilaksanakan di Kelantan. Berapakah jumlah anggaran perbelanjaan dijangka bertambah dan apakah jaminan Kerajaan bahawa perubahan ini akan menjadikan sistem penyampaian Kerajaan di peringkat akar umbi lebih cekap, adil dan berkesan.
81. PR-022-L18540
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) laporan Ketua Audit Negara bertarikh 23 Jun 2008 ke atas pengurusan Program Latihan Khidmat Negara di muka surat 571 menyebut "Kerajaan terpaksa menanggung bayaran berjumlah RM110.10 juta kepada pengusaha kem" bagi tempoh 2004 hingga 2007 kerana sebab-sebab tertentu, adakah ini berlaku pada tahun 2008 dan jika ya berapa jumlahnya; dan
 - (b) adakah empat buah kem yang didapati TIDAK sesuai, iaitu Kem Beringin Beach Resort, Wawasan Sabah, Juara Sarawak dan Peladang Setiu Agro Resort masih digunakan untuk tujuan PLKN.
82. PR-022-L19360
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah dasar undang-undang untuk Bernama, agensi berita kebangsaan kita, untuk membenarkan Bernama TV menggunakan namanya (Bernama) setakat 31 Mei 2009 dan kenapa Bernama membenarkan sebuah syarikat persendirian berhutang sebegitu banyak wang.
83. PR-022-L19218
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai sejak penguatkuasaan dasar Automotif Baru yang telah dilaksanakan beberapa tahun lalu. Apakah kecacatan dasar tersebut hinggan Kerajaan sedang mengkaji semula dasar ini (sudah setahun pengumuman dibuat berkenaan dengan kajian semula).

84. PR-022-L18994
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan merangka dasar-dasar dari Pakej Rangsangan Ekonomi untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di Pulau Pinang.
85. PR-022-L19773
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah guru terlatih yang masih diperlukan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Malaysia.
86. PR-022-L19413
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan-pelan spesifik untuk memulihkan Rumah Pangsa Kos Rendah di Taman Pertama, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Adakah cadangan untuk mewujudkan suatu badan khas untuk mengendalikan rumah-rumah pangsa seperti ini.
87. PR-022-L18772
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek-projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Kerjasama Awam Swasta (Public-Private Partnership) yang telah dikenal pasti atau diluluskan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.
88. PR-022-L19723
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan terkini hasil kajian mengenai dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang menimbulkan perbahasan baru-baru ini.
89. PR-022-L19035
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan fungsi masjid dan surau sebagai premis dalam pendidikan tambahan persekolahan kanak-kanak (kelas tambahan) terutama di kawasan bandar yang kurang premis percuma untuk aktiviti tersebut.
90. PR-022-L20015
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan skop perbincangan kerja sama dua hala semasa lawatan Panglima Udara China ke Malaysia dalam bulan April 2009. Adakah kedua-dua pihak membincangkan kerja sama dalam program persengaraan SU-30MKM.

91. PR-022-L19112
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian ada menjalankan kajian terhadap prestasi pelajar yang menuntut di sekolah khususnya untuk melatih pelajar ke arah kesukanan.
92. PR-022-L19363
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis bertindak 'double standard' apabila mereka menangkap dan menahan ADUN bagi kawasan Tebing Tinggi dari DAP kerana mengeluarkan DVD tentang rakaman perjalanan DUN Perak yang berlangsung pada 3 Mac 2009 tetapi tidak menangkap dan menahan ADUN kawasan Chenderiang dari MCA yang mengeluarkan DVD rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7 Mei 2009.
93. PR-022-L18734
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak akhir-akhir ini terdapat segelintir masyarakat sudah berani menderhaka kepada Sultan dan Raja. Apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memperkasakan kekebalan Institusi Raja-Raja Melayu supaya masyarakat terus mendaulatkan Raja dan Sultan sebagai hierarki paling tinggi.
94. PR-022-L20033
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam sejak tahun 2008 dan langkah-langkah yang akan diambil pada masa akan datang.
95. PR-022-L20101
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri, memandangkan Kementerian Pengangkutan merupakan pilihan Kementerian yang lebih wajar untuk menghasilkan satu sistem pengangkutan di Malaysia yang lebih menyeluruh dan holistik.
96. PR-022-L19327
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan ;-
- (a) apakah usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah hidupan liar terutama gajah yang mengancam keselamatan yang memusnahkan tanaman penduduk kampung dan bolehkah hidupan ini ditempatkan dalam satu kawasan khusus; dan

- (b) bolehkah pihak Kementerian memperuntukkan perbelanjaan khas bagi mengatasi masalah ini khasnya di kawasan Parlimen Lenggong.
97. PR-022-L18724
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perkembangan projek pembinaan Sekolah Menengah Tamparuli Dua di daerah Tuaran.
98. PR-022-L19582
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan nisbah anggota polis di Balai Polis Daerah Gombak dan Petaling Jaya di Selangor adalah 1:250 iaitu nisbah yang disyorkan oleh INTERPOL.
99. PR-022-L19013
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai ukuran 'Prime Time' bagi berita di stesen tv Kerajaan (RTM), bagaimana pula dengan dasar Kerajaan terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di stesen-stesen tv dan radio milik Kerajaan.
100. PR-022-L19460
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah faktor sebenar harga barangan dalam negeri masih terlalu mahal sedangkan minyak dan gas berada dalam keadaan murah (tidak sampai USD 60 setong).
101. PR-022-L18601
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pembayaran zakat oleh pembayar zakat yang mempunyai rangkaian perniagaannya di seluruh negara diwajibkan membayar zakat di negeri-negeri di mana perniagaannya beroperasi dan sejauh mana pula syarikat GLC membayar zakat.
102. PR-022-L18415
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pelantikan kedua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang mematuhi prosedur perjawatan perkhidmatan awam merujuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 2003 dan panduan pelantikan pegawai kontrak.

103. PR-022-L20004
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai penubuhan industri petrokimia dan maritim di Sungai Pulai:-
- (a) mengapa EIA berkenaan boleh diluluskan sedangkan berlaku kesilapan-kesilapan yang dikemukakan oleh universiti dan NGO sebelum ini; dan
 - (b) adakah DEIA sudah dikemukakan. Jika ya, bila dan adakah langkah-langkah pemuliharaan dan kemudahan diwujudkan di tapak RAMSAR Sungai Pulai sejak 2003.
104. PR-022-L20125
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan segala langkah yang diambil untuk menghadapi kemungkinan berlaku penularan wabak Influenza A (H1N1) di dunia. Apakah langkah-langkah yang paling berkesan serta kekuatan dan kelemahan dalam strateginya.
105. PR-022-L20027
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penghapusan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah sebahagian dari langkah untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia.
106. PR-022-L19975
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian pihak Kementerian terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik (PPSMI) dalam Bahasa Inggeris setelah kajian mendalam dan perbincangan meja bulat dibuat. Bagaimana pula konsep baru dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris terutama bagi pelajar luar bandar.
107. PR-022-L19074
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah natijah dan kriteria utama Ahli Parlimen Rompin dicalonkan sebagai duta besar Malaysia ke Amerika Syarikat berpangkat Menteri meskipun beliau tiada sebarang pengalaman sebagai seorang diplomat kanan.

108. PR-022-L18670
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan persetujuan yang telah ditandatangani oleh Tuan Yang Di-Pertua Negeri atas nasihat jemaah Menteri atau Ketua Menteri Sabah, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan perkara yang dilindungi di bawah Perkara 161E dan tajuk-tajuk pindaan yang telah diluluskan semenjak Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963.
109. PR-022-L19554
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang diambil mengenai aduan terhadap Kolej Masterskill berkaitan pelajar Islam yang tidak dibenarkan mengerjakan solat Jumaat, pelajar wanita Islam tidak dibenarkan bertudung, mengenakan yuran tidak berpatutan dan gangguan seksual terhadap pelajar wanita Islam; dan
 - (b) apakah benar kerabat diraja Perak mempunyai kepentingan di dalam Kolej ini.
110. PR-022-L19733
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah kes jenayah menggunakan senjata api yang berlaku bagi suku pertama tahun ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan yang jenayah seumpama ini dapat dihalang atau dikurangkan.
111. PR-022-L19145
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha-usaha yang dibuat supaya kakitangan Kerajaan prihatin dan faham akan konsep federalisme seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan berikutan kejayaan Pakatan Rakyat memenangi 5 buah negeri pada Pilihan Raya Umum pada 8 Mac 2008 lalu; dan
 - (b) apakah tindakan yang akan dikenakan kepada pegawai Kerajaan yang jelas melanggar konsep federalisme seperti apa yang berlaku di Selangor di mana satu pelaksanaan 'People Centric' telah dilancarkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dengan matlamat menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor yang baru.

112. PR-022-L18403
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan-cadangan PEMUDAH yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan sejauh mana cadangan berkenaan tidak merugikan golongan kurang bernasib baik dan menghakis Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.
113. PR-022-L19499
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sehingga kini berapa jenis penyakit yang boleh menyebabkan kematian yang dikesan di seluruh dunia berpunca daripada babi dan adakah Kerajaan bercadang ke arah polisi penternakan babi sifar di Malaysia.
114. PR-022-L19970
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan ke atas kedudukan pemimpin Parti Liga Demokratik (NLD) Burma, Daw Aung San Suu Kyi selepas Kerajaan Junta berhasrat untuk membawa beliau ke mahkamah. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menggantung keanggotaan Myanmar dalam ASEAN.
115. PR-022-L19793
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan PKFZ mendapat perhatian para pelabur luar memandangkan kedudukannya yang begitu strategik sebagai pemangkin kepada kemajuan industri pelabuhan di negara kita.
116. PR-022-L18582
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan Pengguna Air Empangan Beris yang telah lama siap tetapi tidak ada projek yang dilaksanakan untuk menggunakan air empangan ini.
117. PR-022-L19116
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramaikah pelajar IPTA dan IPTS yang terlibat dalam gejala sosial di dalam konteks bersekedudukan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah ini.
118. PR-022-L18711
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang sikap Islam dalam konsep 1 Malaysia, apakah ia selaras dengan syariat Islam dan apakah status Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri.

119. PR-022-L18427
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perlu kakitangan Kerajaan diletakkan di bawah satu Kementerian dan seorang Menteri yang bertanggungjawab mengikuti prestasi kerja-kerja mereka daripada satu masa ke satu masa. Adakah perlu 'key performance index' itu wujud bagi mereka.
120. PR-022-L19623
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian untuk menyediakan perkhidmatan latihan kepada bakal pesara dan bekas tentera di PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera) bagi tahun 2008 dan 2009 dan nyatakan jumlah keseluruhan pelatih yang telah mengikuti latihan di PERHEBAT sejak ia ditubuhkan.
121. PR-022-L18484
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan setiap tahun untuk penempatan semula Sg. Asap dan Koyan, dari tahun 1998 hingga 2009.
122. PR-022-L18760
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci keputusan Kabinet Malaysia 'anak kekal agama asal bila ibu bapa memeluk agama lain'. Jika bapa memeluk agama Islam dan anaknya di bawah 18 tahun (belum akil baligh) hak mengikut hukum syarak anaknya dengan sendiri menjadi penganut agama Islam. Akibat keputusan ini menimbulkan kemarahan umat Islam kerana ianya ada kaitan dengan hukum.
123. PR-022-L20127
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sama ada PERDA mempunyai sebarang hubungan dengan ASEANIA Development Sdn. Bhd. ; dan
 - (b) adakah PERDA menandatangani sebarang kontrak dengan ASEANIA Development Sdn. Bhd. dan jika ada, apakah kontrak itu dan sila beri kronologi bagaimana Aseania Development Sdn. Bhd. dilantik.

124. PR-022-L18615
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) apakah syarat-syarat untuk menentukan sesuatu rundingan terus; dan
 - (b) sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji setiap peralatan-peralatan bersenjata khususnya menelan jumlah nilai yang besar.
125. PR-022-L20177
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah bentuk kejayaan yang telah dicapai hasil daripada dasar PPSMI.
126. PR-022-L18483
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah pihak Kementerian memantau pengutipan derma sesetengah agensi kesihatan dengan alasan derma tersebut digunakan untuk membantu pesakit-pesakit; dan
 - (b) adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mempraktikkan satu sistem yang lebih berkesan supaya bantuan kewangan daripada agensi kesihatan swasta dan Kerajaan dapat diberikan kepada pesakit-pesakit dalam masa terdekat.
127. PR-022-L20185
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini pembinaan loji jana kuasa arang batu yang telah dirancang untuk dibina di Batu Sapi, Sandakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 – Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.
(16 Jun, 2009) | |
| | | (Kementerian Kewangan) | |
| 2. | (D.R. 20/2008) | Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008.
(Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) | Bacaan Kali yang Kedua |
| 3. | (D.R. 26/2008) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.
(Kementerian Pengangkutan) | “ |
| 4. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 - Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008).
(Kementerian Dalam Negeri) | |
| 5. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.
(Perdana Menteri) | “ |
| 6. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008.
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 7. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.
(Perdana Menteri) | “ |
| 8. | (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009
(Kementerian Kewangan) | “ |

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan 66A dan 67B Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat:

“BAHAWASANYA, berikutan pelantikan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang ke-enam, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 10 April 2009 seperti berikut:

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diserap ke Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan diserap ke Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkaitan dengan komunikasi dan agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

DAN BAHAWASANYA –

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2009 (Akta A1340);
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian- kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009;

- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus –
 - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion lapan puluh lapan juta dua ratus tiga puluh enam ribu tiga ratus sembilan ringgit (RM1,088,236,309) di bawah Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua belas juta satu ratus tujuh puluh ribu empat ratus tiga puluh dua ringgit (RM12,170,432), Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak satu bilion lima puluh empat ribu lima ratus ringgit (RM1,000,054,500) Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak empat juta tujuh ratus tiga ribu tujuh ratus sembilan puluh dua ringgit (RM4,703,792), Maksud B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak enam puluh tiga juta lima ratus lapan puluh tujuh ribu lapan ratus lapan puluh lima ringgit (RM63,587,585) dan Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tujuh juta tujuh ratus dua puluh ribu ringgit (RM7,720,000);
 - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi empat ratus dua puluh sembilan juta sembilan ratus ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM429,900,987) di bawah Maksud B.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak seratus lapan belas juta enam ratus empat puluh tujuh ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM118,647,547) dan Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

(dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak tiga ratus sebelas juta dua ratus lima puluh tiga ribu empat ratus empat puluh ringgit (RM311,253,440); dan

- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima juta dua ratus tujuh belas ribu tujuh puluh enam ringgit (RM5,217,076) di bawah Maksud B.26 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan).

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan –

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion tiga ratus enam puluh enam juta sembilan ratus sembilan puluh ribu empat ratus dua puluh lapan ringgit (RM1,366,990,428) di bawah Maksud P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak enam juta enam ratus ribu ringgit (RM6,600,000), Maksud P.10 Perbendaharaan sebanyak tiga ratus dua puluh lima juta lapan ratus tiga puluh tujuh ribu lapan ratus ringgit (RM325,837,800), Maksud P.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak dua juta sembilan ratus ribu ringgit (RM2,900,000), Maksud P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam ratus lapan puluh satu juta dua belas ribu ringgit (RM681,012,000) , Maksud P.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak dua ratus tujuh puluh empat juta enam ratus tujuh puluh lapan ribu lapan ratus sembilan puluh empat ringgit (RM274,678,894), Maksud P.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak tujuh puluh dua juta tiga ratus dua puluh enam ribu satu ratus sembilan puluh lima ringgit (RM72,326,195) dan Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tiga juta enam ratus tiga puluh lima ribu lima ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM3,635,539);
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam ratus tiga puluh tiga juta lima puluh sembilan ribu enam ratus dua puluh empat ringgit (RM633,059,624) di bawah Maksud P.29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan); dan

- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus sepuluh juta satu ratus dua puluh lima ribu tiga puluh sembilan ringgit (RM210,125,039) di bawah Maksud P.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua puluh enam juta tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus ringgit (RM26,079,700) dan Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak satu ratus lapan puluh empat juta empat puluh lima ribu tiga ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM184,045,339).”

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)”.

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)”.

12. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

13. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan.

Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

14. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

15. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

16. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

17. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

18. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

20. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

21. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

22. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

23. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

25. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

26. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

27. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

28. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

29. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

30. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

31. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Biasiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

33. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

34. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

35. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.
4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.
5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.

9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.
13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan).

'Islam adalah agama bagi persekutuan ***termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya***'

[Perdana Menteri]

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan).

'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, ***kecuali undang-undang dan syariat Islam***, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan ***Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara***' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, ***termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.***

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'

[Perdana Menteri]

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

‘...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...’ dan diganti dengan perkataan berikut ;

‘dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara’ dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

[Perdana Menteri]

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan bertanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai **Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**”.

[Perdana Menteri]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syara’ sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian”.

[Kementerian Pengangkutan]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya”.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

[Kementerian Dalam Negeri]

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung

jemaah untuk mengerjakan Solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

[Perdana Menteri]

53. PR-022-U18752

Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil. Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar "common religion" (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar "common religion" ini bercanggah dengan hukum syara' dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da'wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar "common religion" tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara' menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.

- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hukum syara' berdasarkan fahaman mazhab syafi'e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.
- v. Mahkamah Rayuan didalam kes *Subashini* [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa "ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya" dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.
- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes *Teoh Eng Huat v. MAIK* [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar "common religion" ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara' kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukum syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;

- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar “common religion” akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 6	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009	17 Jun 2009
CMD 6A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009 Bagi Kerajaan Malaysia.	17 Jun 2009
CMD 7	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009	17 Jun 2009
CMD 7A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009 Bagi Kerajaan Malaysia.	17 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 17.6.2009 (Rabu)	1. Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)	1. Jambatan kedua Pulau Pinang.	1. Perdana Menteri
2. 17.6.2009 (Rabu)	2. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)	2. Menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membina lebih banyak medan meletak kereta bertingkat di Pusat Bandaraya.	2. Menteri Wilayah Persekutuan